

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB TUAN LIM GUAN ENG
[BAGAN]**

SOALAN

YB Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status permohonan Kerajaan Negeri Pulau Pinang berhubung lesen pengangkutan awam negeri sebagai langkah mengurangkan kesesakan di negeri ini. Adakah kerajaan bersedia menjalankan projek LRT dan MRT sebagaimana dijanjikan. Sekiranya ditolak, apa sebabnya.

JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) tidak menerima apa-apa permohonan mengenai lesen pengangkutan awam daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

2. Kerajaan Persekutuan telah menerima permohonan untuk melaksanakan projek pengangkutan rel bandar seperti LRT, MRT, Monorel dan tram daripada beberapa Kerajaan Negeri termasuk Pulau Pinang. Semua permohonan ini akan dikaji dengan teliti oleh Kerajaan Persekutuan untuk pertimbangan.

Sekian, terima kasih.